



Kenyataan Media

OP TARING BRAVO 3: 3,837 UNIT KELENGKAPAN KOMUNIKASI TIDAK DIPERAKUI DISITA

CYBERJAYA, 28 Julai 2025 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah membuka kertas siasatan terhadap sebuah syarikat yang disyaki menjalankan aktiviti penjualan kelengkapan komunikasi tidak diperakui secara dalam talian.

Tindakan ini merupakan hasil kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) susulan pelaksanaan operasi bersepadu Op Taring Bravo 3 yang melibatkan pelbagai agensi penguat kuasa.

Sebanyak 3,837 unit peralatan komunikasi pelbagai jenis dianggarkan bernilai RM500,000 disita oleh pihak PDRM dan diserahkan kepada MCMC untuk tujuan analisis teknikal dan penelitian lanjut.

Barangan tersebut merangkumi konsol permainan tanpa wayar, alat kawalan jauh tanpa wayar, peranti pintar, tablet, serta pelbagai lagi peranti komunikasi yang dipercayai dipasarkan tanpa perakuan teknikal sah daripada MCMC.

Siasatan dijalankan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000, yang memperuntukkan hukuman denda maksimum sebanyak RM300,000 atau penjara hingga tiga (3) tahun, atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

MCMC komited untuk terus melaksanakan tindakan penguatkuasaan bagi membanteras penjualan dan penggunaan kelengkapan komunikasi yang tidak diperakui, demi menjamin keselamatan pengguna serta memelihara integriti pasaran dari aspek pematuhan teknikal.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung aktiviti penjualan atau pengedaran peranti komunikasi tidak diperakui digesa untuk menyalurkan maklumat melalui saluran aduan rasmi MCMC atau melaporkannya kepada pihak PDRM.

LAMPIRAN GAMBAR



Pegawai penguat kuasa MCMC menerima barangan yang telah disita oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk tujuan analisis teknikal dan penelitian lanjut.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

